

Covid-19: Tiada kematian baru, 94 lagi positif, 68.75% pulih

Malaysiakini

29 April 2020

Malaysia mencatatkan 94 lagi kes Covid-19 baru, menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan yang direkodkan ialah 5,945.

Ketua Pengarah Kesihatan Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan bahawa kes baru yang dilaporkan terdiri daripada 72 kes import melibatkan warganegara Malaysia yang pulang dari luar negara dan 22 jangkitan tempatan.

Noor Hisham turut memaklumkan bahawa sebanyak 55 lagi pesakit pulih, menjadikan jumlah keseluruhan yang telah sembuh daripada jangkitan itu ialah 4,087 atau 68.75 peratus.

Ini bermakna, setakat tengah hari tadi, terdapat 1,758 kes Covid-19 aktif di Malaysia.

Mereka telah diasingkan dan kini menerima rawatan, kata Noor Hisham.

Daripada jumlah itu sebanyak 40 dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 18 memerlukan bantuan pernafasan.

Tiada kematian baru melibatkan jangkitan Covid-19 dilaporkan setakat tengah hari tadi, bermakna jumlah korban wabak itu kekal 100.

Sementara itu Noor Hisham dalam sidang media hari ini juga berkata pihak KKM aktif melaksanakan aktiviti pemantauan di sektor awam dan swasta untuk mengenal pasti aktiviti penularan Covid-19.

Ini merangkumi pemantauan klinikal iaitu Influenza Like Illness (ILI) dan Severe Acute Respiratory Infection (Sari) di klinik-klinik dan hospital KKM; saringan Covid-19 bagi anggota kesihatan; persampelan sebelum pembedahan kecemasan di hospital KKM; dan persampelan di makmal-makmal swasta.

"Persampelan ILI telah dijalankan di lapan buah lokasi Klinik Kesihatan KKM dari seluruh negara yang dikenali sebagai lokasi sentinel (sentinel site).

"Persampelan ini meliputi semua pesakit yang datang ke klinik-klinik kesihatan ini dengan gejala demam (suhu lebih daripada 38°C) dengan batuk dan sakit tekak, namun tanpa sebarang risiko terdedah kepada Covid-19 yang diketahui.

"Sebanyak lima sampel akan diambil dari setiap lokasi sentinel tersebut dan dihantar ke makmal untuk ujian pengesanan Covid-19 bagi analisis pemantauan ini," katanya.

"Manakala, persampelan Sari pula adalah melibatkan ujian pengesanan Covid-19 untuk semua pesakit dengan jangkitan paru-paru (pneumonia) dari semua hospital KKM di Malaysia," tambahnya.

Jelas Noor Hisham, sehingga kini, sebanyak 34,113 sampel telah diambil daripada aktiviti berkenaan.

Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak 6,100 adalah sampel klinikal surveilan iaitu ILI / SARI, di mana 71 sampel disahkan positif Covid-19.

"KKM juga memantau keputusan ujian Covid-19 yang dijalankan di sektor swasta, di mana ujian ini dihantar ke makmal swasta. Didapati terdapat 84 kes positif dikesan daripada 22,081 ujian yang dijalankan di makmal-makmal swasta ini (iaitu 0.38 peratus).

"Aktiviti pemantauan ini sememangnya bertindak sebagai sistem pengesanan awal dan sistem amaran awal bagi penularan Covid-19 di Malaysia.

"Pihak KKM akan terus menjalankan aktiviti pemantauan Covid-19 di Malaysia walaupun selepas PKP ditamatkan, di mana aktiviti ini akan terus dimantapkan lagi termasuk di sektor swasta dan melibatkan pelbagai zon," katanya.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malysiakini.com/news/523188>